



Bab 6

Konsep Makanan Halal dan Amalan Pemakanan Halal: Cabaran Generasi Milenial

Nadiah Rus Liyana Rusli

Pengenalan

Makanan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian, bukan sahaja sebagai sumber tenaga, malah sebagai elemen yang mempengaruhi kesihatan fizikal dan rohani. Islam menekankan kepentingan pemakanan seimbang yang bukan sahaja perlu menitikberatkan nutrisi dalam makanan, bahkan ia turut mementingkan keperluan rohani, seperti aspek spiritual melalui pengamalan konsep *halalan tayyiban* (Siti Norlina Muhamad et. al, 2019). Oleh itu, setiap Muslim seharusnya memastikan makanan yang mereka pilih dan ambil bukan sahaja halal, malah mengamalkan konsep *tayyib* yang menjadi umbi pembentukan kehidupan seimbang dan makruf dalam Islam. Penulis akan menerokai signifikansi makanan halal dalam membentuk kesejahteraan hidup pengguna Muslim, khususnya generasi milenial.

Konsepsi dan Realiti

Generasi milenial ialah generasi yang dilahirkan antara tahun 1982-2000 (Millennial Generation Research Review, 2012). Di Malaysia, generasi milenial dikatakan sebagai generasi dominan yang meliputi sekitar 29% daripada penduduk negara ini (Lin, 2018). Selain itu, generasi ini sering menjadi tumpuan dalam pelbagai kajian, khususnya kajian tingkah laku kerana generasi milenial dikatakan mementingkan jaminan kualiti, gaya hidup sihat dan merupakan generasi yang tidak menggemari keterhadan dalam pemilihan (Lokhman Hakim Osman & Riadhus Solehah Aziz, 2018). Justeru, intensiti kuasa beli di Malaysia nampaknya turut dipengaruhi oleh generasi ini.

Menurut Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil dan Muhamad Izzuddin Zainuddin (2018), terdapat tiga ciri utama generasi milenial iaitu bersikap terbuka kepada kepelbagaian, bebas dan positif. Malah, generasi milenial dianggap sebagai generasi yang setia kepada jenama tertentu (Ahmad Syahmi Ahmad Fadzil & Muhamad Izzuddin Zainuddin, 2018). Generasi ini juga dilihat aktif dalam media sosial kerana mereka merupakan generasi yang dilahirkan pada zaman kemajuan teknologi internet. Oleh yang demikian, generasi milenial ialah generasi yang berupaya mendapatkan dan menyebarkan maklumat, selain mempunyai hak untuk membuat keputusan sendiri.

Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk Muslim dan perubahan peri laku generasi milenial, jumlah permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal di Malaysia juga meningkat. Menurut Global Islamic Economic Report (2019), kadar perbelanjaan pengguna Muslim terhadap keperluan makanan dan minuman sejumlah 1.37 trilion. Dengan demikian, ini menunjukkan peningkatan jumlah populasi dunia telah memberikan impak yang besar ke atas peningkatan jumlah permintaan barangan dan perkhidmatan halal.

Makanan halal dalam konteks Islam ialah makanan yang disediakan dan diproses mengikut hukum agama. Harlida Abdul Wahab dan Alias Azhar (2014) menjelaskan makanan yang halal dari segi syarak ialah makanan yang bersih zatnya, kaedah perolehannya yang suci dan bebas daripada sebarang kemudaratan. Perkataan *tayyib* membawa maksud baik, bermanfaat dan elok. Jelas, makanan yang *tayyib* ialah makanan yang selamat (tidak memudaratkan), berkhasiat dan disertakan dengan rasa kesyukuran yang ikhlas terhadap Allah (SWT). Konsep halal ialah konsep yang bersandarkan halal dan bersih serta memelihara lima paksi dalam *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman, 2020). Oleh itu, kefahaman konstruktif mengenainya dapat membentuk wahana pembangunan kehidupan yang syumul mengikut ajaran Islam. Makanan halal bukan sahaja membekalkan khasiat untuk tubuh badan, bahkan ia memastikan proses perolehan dan pengambilannya mengikut nilai agama. Ini dapat membina keharmonian antara keseimbangan intelek, emosi, jasmani dan rohani. Oleh itu, pengguna Muslim memainkan peranan vitalistik untuk memastikan makanan pilihan mereka mengikut prinsip Islam.

Konsep *halalan tayyiban* adalah satu konsep yang dewasa ini kian diberikan perhatian serius dalam kalangan pengguna dan pihak industri. Menurut Sazelin Arif (2012), konsep *halalan tayyiban* mempunyai matlamat untuk memelihara kebaikan, di samping menolak keburukan

serta memberi jaminan kesejahteraan (maslahat) dalam kehidupan manusia. Konsep murni ini amat menekankan prinsip dan nilai yang berlunaskan mesra alam, bersikap empatik terhadap haiwan dan keluhuran etika yang seiring dengan tuntutan kemasyarakatan (Vibe, 2009). Dalam era globalisasi ini, cabaran bagi pengguna generasi milenial dalam memilih makanan halal semakin rumit dan ruwet. Pengaruh budaya luar dan perubahan gaya hidup menjadikan proses ini lebih mencabar. Namun, kesedaran tentang kepentingan makanan halal dan pengetahuan tentang cara menghadapi cabaran ini merupakan kunci utama untuk mengekalkan pemilihan makanan mengikut wejangan Islam.

Prinsip Makanan dan Pemakanan Islamik

Islam telah memberikan garis panduan praktikal untuk menjalani kehidupan seharian sebagai umat tauhid. Dalam aspek makanan, penentuan status makanan adalah sangat penting, seperti dijelaskan dalam al-Quran dan hadis sahih, sebagai dua sumber tertinggi dalam pengambilan hukum Islam. Allah (SWT) berfirman:

Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan perhiasan daripada Allah yang dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya dan (siapa pula yang mengharamkannya) rezeki yang baik?

(Al-‘Araf, 7: 32)

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang telah disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta (ini halal dan haram), bagi mengada-adakan pembohongan terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah tiadalah beruntung.

(An-Nahl, 16: 116)

Surah al-‘Araf menegaskan hanya Allah (SWT) sahaja yang berhak menentukan sama ada sesuatu itu hukumnya halal atau haram. Begitu juga dengan hukum terhadap makanan. Jelas, manusia tidak berhak menentukan hukum halal dan haram melainkan hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran dan hadis sahih. Penegasan terhadap larangan tersebut dijelaskan Surah an-Nahl. Jika mereka melanggar ayat-ayat Allah (SWT), mereka telah syirik terhadap-Nya dan mereka dimasukkan dalam golongan musyrikin (Muhammad at-Thahali ar-Roawiy,

2001). Larangan ke atas manusia yang memandai-mandai untuk menentukan hukum halal dan haram juga dapat dilihat dalam hadis berikut:

Apa yang dihalalkan oleh Allah adalah halal, dan apa yang diharamkan Allah adalah haram, dan apa yang didiamkan (tidak dijelaskan halal dan haramnya) adalah diharuskan. Oleh itu, terimalah apa yang diharuskan oleh Allah, kerana Allah tidak melupakan sesuatu (tanpa penjelasan).

Hadis ini menegaskan hukum halal dan haram ialah hak milik mutlak Allah (SWT) dan manusia tidak berhak untuk mencampurnya. Pada asalnya, segala yang dijadikan-Nya di atas muka bumi ini adalah halal hukumnya (Muhammad at-Tahali ar-Roawiy, 2001; Abu Bakar Jabir al-Jazairiy, 2006) dan asal hukum segala sesuatu adalah harus (Yusuf al-Qardawiy, 2002: Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, 2000: 1). Walau bagaimanapun, dengan kedatangan syariat Islam, Allah (SWT) telah menetapkan hukum dengan jelas. Hukum ini terbahagi kepada haram, halal, sunat, makruh dan harus (Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi, 2000: 1). Untuk menjelaskan konsep makanan halal dan haram, pengertian halal dan haram harus difahami terlebih dahulu, seperti diuraikan selanjutnya:

(a) Halal

Halal dari segi bahasa bermaksud dibenarkan (Monika@ Munirah Abdul Razak, 2003), manakala dari sudut istilah, halal bermaksud keluar daripada hukum haram. Saadan Man dan Zainal Abidin Yahya (2014: 1) menjelaskan perkataan halal berasal daripada bahasa Arab yang mempunyai kata dasar "*halla, yahillu, hillan*". Dalam bahasa Inggeris, perkataan halal diterjemahkan sebagai *permitted, allowed, lawful* (Mohammad Mazhar Hussaini, 1997), *legal, lecit* dan *legitimate* (Hans Wehr, 1980).

Dari sudut syarak, halal merujuk kepada sesuatu yang dibolehkan dan tidak diseksa kerana melakukannya. Yusuf al-Qardawiy (1997) pula menyatakan halal ialah sesuatu yang diharuskan hukumnya dan terlepas daripada sebarang simpulan bahaya. Ini bermakna secara tersuratnya perbuatan halal dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, makanan yang halal dan baik (*tayyib*) ialah makanan halal yang mendatangkan kebaikan dan mengandungi khasiat yang dapat menjaga kesihatan manusia (Akmal Mohd Zain, 2004).

Sebagai pengguna Muslim, sudah menjadi kefardhuan kepada mereka untuk mencari sesuatu yang halal. Skop halal ini bersifat makroskoptik iaitu merangkumi keseluruhan aspek kehidupan, seperti akidah, ibadat, muamalat, ekonomi dan sebagainya. Justeru, kepentingan untuk mengambil makanan yang halal sangat dipentingkan dan bermatlamat untuk memelihara kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat.

(b) Haram

Haram dari segi bahasa membawa maksud ditegah atau dilarang (Ibnu Manzur, t.t.)¹. Ibnu Hazam² menegaskan haram merupakan perbuatan yang wajib ditinggalkan sebagai membuktikan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah (SWT). Muslim yang mematuhi larangan ini dikurniakan pahala, manakala mereka yang melanggar tegahan itu mendapat dosa (Noresah Baharom, et. al, 2007). Dalam bahasa Inggeris, haram diterjemahkan sebagai *prohibited*, *forbidden*, *unlawful* (Mohammed Mazhar Hussain, 1993), *interdicted* dan *unpermitted* (Hans Wehn, t.t). Menurut Yusuf al-Qardawiy (2002), seseorang yang melanggar tegahan itu akan mendapat seksaan di dunia dan di akhirat.


(c) Syubhah

Syubhah berasal daripada bahasa Arab iaitu *syabaha*. Dalam bahasa Inggeris, syubhah diterjemahkan sebagai *suspected*, *suspicious* atau *doubtful*. Maknanya, sesuatu yang diragui kehalalan atau keharamannya. Dari segi istilah, syubhah ditakrifkan sebagai sesuatu yang tidak dapat dikenal pasti hukumnya sama ada halal atau haram. Mohammad Mazhar Hussaini (1993) mendefinisikan syubhah sebagai menyerupai, menyamai, kesamaran atau kekaburan. Selain itu, al-Jurjani³ memaknakan syubhah sebagai sesuatu yang tidak dapat diyakini kedudukan hukumnya sama ada halal atau haram. Saadan Man dan Zainal Abidin Yahya (2014) pula menyatakan syubhah terjadi ketika adanya perselisihan hukum antara halal dan haram. Untuk membezakan sesuatu yang halal dan haram, Saadan Man dan Zainal Abidin (2014) telah menggariskan beberapa panduan untuk membuat pemilihan makanan (misalnya, dalam konteks sembelihan) yang berlunaskan konsep *halalan tayyiban*. Ciri-ciri tersebut dapat dilihat menerusi Rajah 1:

¹ Dipetik daripada Mohd Noorizuddin Nooh (2007).

² Ibn Ḥazm, *al-Iḥkām*, 3:321.

³ Al-Jurjānī, *al-Ta'rifāt* (Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), hlm. 127.



Rajah 1: Ciri-Ciri *Halalan Tayyiban* Dalam Makanan
Sumber: Saadan Man dan Zainal Abidin Yahya (2014)

Rajah di atas menunjukkan beberapa ciri yang boleh dijadikan sebagai panduan munasabah untuk memastikan makanan yang diambil adalah halal dan baik. Rasionalnya, makanan yang secara zahirnya baik (berkhasiat untuk kesihatan) belum tentu baik dimakan, andai makanan tersebut diperoleh dengan cara yang haram (bertentangan dengan syarak) atau diproses dengan bahan dan kaedah yang haram di sisi Islam. Lantaran itu, Islam menuntut sikap kewaspadaan yang sangat tinggi dalam proses perolehan, pemilihan dan penyediaan makanan, termasuklah dalam gatra etika pemakanan. Kesemuanya ini telah digariskan dengan jelas dalam Islam, bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah (SAW).

Pilihan dan Keprihatinan

Dunia tiada sempadan telah menawarkan pelbagai manfaat dan mudarat kepada manusia global. Namun, masyarakat tidak dapat lari daripada cabaran dan kesan negatif yang mudah meresap dan menyerap dalam kehidupan mereka. Hakikat ini juga dihadapi oleh generasi milenial dalam konteks pemilihan makanan seharian. Oleh itu, terdapat beberapa cabaran getir yang dihadapi oleh generasi ini, antaranya:

❖ Kerancuan dan Kebobrokan Globalisasi

Globalisasi telah menjadikan dunia yang luas ini terasa bagaikan vila yang kecil. Proses ini telah memperluas jaringan dan akses kepada pelbagai jenis hidangan makanan dari seluruh dunia. Generasi milenial yang sangat terdedah kepada pengaruh dunia luar melalui teknologi internet telah terkesima dengan pelbagai jenis makanan asing. Situasi ini telah memberikan peluang kepada generasi milenial untuk meneroka dan memilih pelbagai makanan dari negara

luar. Namun, terdapat cabaran kritikal untuk mengesahkan kehalalan makanan yang menarik minat dan perhatian mereka, khasnya generasi milenial Muslim. Oleh itu, mereka sendiri harus berusaha dengan serius untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai kepentingan makanan halal lagi baik dengan mencerakin dua dimensi: (i) memilih makanan berlogo halal atau mempunyai sijil halal yang sah, dan (ii) menerokai rantaian bekalan makanan global untuk memastikan makanan yang dipilih benar-benar mengikut syariat Islam – tindakan yang terakhir ini bukanlah prakarsa yang mudah.

❖ **Terperangkap Dalam Propaganda Industri Makanan**

Memilih makanan halal bukan sahaja berkait dengan pematuhan syariat Islam, malah ia turut menujahkan impak yang besar ke atas kesihatan dan pemakanan. Terkini, terdapat trend dalam kalangan pengguna milenial untuk menjadikan makanan popular sebagai pilihan utama. Makanan popular (mengikut arus semasa) ini mengandungi bahan kimiawi yang berisiko tinggi sekali gus mendatangkan pelbagai kesan buruk terhadap kesihatan mereka secara beransur-ansur dalam jangka masa panjang. Contohnya, kebanyakan makanan popular mengandungi jumlah gula yang tinggi. Oleh itu, pendedahan kepada ilmu kesihatan dan pemakanan dapat membantu generasi milenial untuk membuat pemilihan makanan yang menepati konsep halal dan baik.

❖ **Kecelaruan dan Kecetekan Pempengaruh Media Sosial**

Dunia teknologi internet telah memberikan ruang dan peluang yang luas kepada kemunculan pempengaruh media sosial untuk menyerantakan ulasan mereka mengenai pelbagai isu semasa global dan glocal, termasuklah isu makanan dan pemakanan. Dalam perkembangan berikutnya, generasi milenial telah menjadikan pempengaruh media sosial sebagai rujukan dalam pelbagai isu semasa yang menular menerusi media sosial. Akibatnya, generasi milenial sering membuat keputusan yang salah kerana terpengaruh dengan ulasan dangkal dan sontoloyo pempengaruh, tanpa mereka menyemak secara rinci kesahihan ulasan pempengaruh. Tanpa disedari, pengguna milenial dengan mudahnya terjerumus dalam perangkap pemikiran: jika tidak mengikuti trend, mereka akan dianggap kolot. Justeru, falasi (sesat fikir) yang disebarkan oleh pempengaruh ini merupakan satu cabaran kritikal yang melanda generasi milenial itu sendiri.

Betapapun demikian, melalui pemahaman komprehensif tentang kepentingan makanan halal dan baik, penulis percaya, ia dapat merangsang kesedaran dan memberikan panduan yang mangkus kepada pengguna milenial demi memulihara keseimbangan antara agama, kesihatan

dan makanan. Generasi milenial yang sangat terdedah dengan pelbagai maklumat palsu dalam media sosial lebih mudah terperangkap dengan propaganda licik dan lihai industri makanan global. Di sinilah terhunjamnya bahaya kapitalisme. Dalam falsafah kapitalisme, wang merupakan berhala zaman moden. Makanan yang nampak enak, tidak semestinya berkhasiat. Makanan yang popular, tidak semestinya sihat. Hanya pengguna milenial yang berfikiran kritis sahaja yang benar-benar mampu membendung pengaruh bobrok globalisme dan kapitalisme, termasuklah dalam industri makanan global yang bermotifkan keuntungan bendawi. Lantaran itulah, panduan dan aturan mengenai konsep makanan halal dan baik seharusnya diserantakan secara meluas menerusi media sosial.

Garis Panduan Generatif

Bagi setiap pengguna Muslim, memilih dan mengambil makanan halal lagi baik ialah tanggungjawab yang sangat mustahak. Untuk menjalani kehidupan yang diberkati dan diredai Allah (SWT), aspek pemakanan wajib diletakkan di bawah neraca hukum syarak. Dalam konteks ini, terdapat beberapa garis panduan penting yang dapat membantu generasi milenial untuk membuat pilihan yang tepat.

❖ Fahami Konsep Makanan Halal

Pengguna Muslim harus mendalami konsep makanan halal dan baik iaitu dengan memahami konsep makanan yang dibenarkan syarak. Ini meliputi makanan yang diproses, disediakan dan dihidangkan mengikut garis panduan makanan Islam.

❖ Beli Barang Runcit Halal

Pemilihan sumber makanan juga amat penting. Pastikan makanan yang dibeli datang daripada sumber yang halal. Barangan basah (seperti ayam dan daging) haruslah dibeli daripada penjual yang disahkan mempunyai sijil halal dan disembelih mengikut tatacara Islam.

❖ Pilih Bahan Makanan Berkualiti

Pilihlah bahan makanan segar dan semula jadi. Pastikan bahan makanan yang dibeli mempunyai pensijilan halal dan menepati piawaian kesihatan dan kebersihan.

❖ **Semak Label Makanan**

Semasa membeli makanan kimiawi (makanan kilang), semak labelnya untuk memastikan bahan-bahan yang digunakan adalah halal dan tidak mengandungi bahan haram mahupun berbahaya. Mereka harus mengutamakan makanan yang mempunyai logo halal yang sah. Dengan adanya logo halal ini, dapat diyakini bahawa kandungan bahan-bahan yang terdapat dalam makanan tersebut adalah halal, baik dan menepati syarak.

❖ **Berwaspada Menyinggahi Restoran**

Apabila makan di restoran, pastikan pengguna memilih restoran yang menyajikan makanan halal dan baik, serta mempunyai logo halal yang sah. Sekiranya tidak pasti, lebih baik pengguna bertanya kepada pelayan atau pengurus restoran untuk mendapatkan kesahihan tentang sumber makanan dan cara penyediaan masakan di restoran tersebut. Jika masih ragu, adalah lebih baik mereka memilih restoran lain yang lebih diyakini kehalalannya.

❖ **Elakkan Amalan Pembaziran**

Pembaziran makanan dapat dielakkan dengan membahagikan makanan secara bijaksana, seperti berkongsi makanan (sepinggan makanan boleh dibahagi kepada dua bahagian untuk dua orang). Sisa makanan dapat dijadikan sebagai baja semula jadi untuk tumbuhan dan makanan haiwan peliharaan. Islam melarang keras amalan pembaziran.

❖ **Jauhi Makanan Kimiawi**

Kurangkan pengambilan makanan kimiawi (makanan kilang) yang mengandungi kandungan garam dan gula yang tinggi. Penggunaan gula tambahan boleh digantikan dengan pilihan yang lebih sihat, seperti madu atau kurma.

Panduan praktikal yang digariskan di atas bukanlah dikhaskan untuk pengguna milenial dan umat Muslim semata-mata, malah ia dapat dimanfaatkan oleh manusia global. Dunia globalisasi hari ini terlalu bersifat materialistik dan kapitalistik. Makanan dijadikan sebagai alat untuk mengaut dan membolot keuntungan semaksimum mungkin. Bagi syarikat dan industri makanan global, aspek kesihatan dan keselamatan hidup manusia bukanlah keutamaan mereka. Malah, nyawa dan kesihatan manusia dimanipulasi dan dieksploitasi akibat ketamakan mereka terhadap wang. Islam telah menggariskan hukum dan panduan terbaik. Kewajipan umat Islam ialah mematuhi dan menyetiainya sebagai bukti ketakwaan mereka terhadap Allah Maha Esa.

Kesimpulan

Kehidupan masa kini yang serba mencabar – dunia mania dan alam maya – menuntut pengguna milenial untuk berfikir secara kritis lantas membuat pilihan bijaksana dalam segenap dimensi kehidupan, termasuklah dalam aspek makanan dan pemakanan. Pengguna milenial harus diberikan pendedahan secara menyeluruh dan berterusan mengenai signifikasi konsep makanan *halalan tayyiban*. Mereka perlu mempunyai kesedaran, kefahaman dan penghayatan yang tinggi untuk meneguhi ajaran dan amalan pemakanan yang halal lagi baik, berlandaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah (SAW). Generasi milenial itu sendiri sepatutnya cakna dan kritis terhadap isu-isu semasa mengenai makanan dan pemakanan, khasnya maklumat liar, berita toksik dan ulasan semberono yang disebarkan secara meluas menerusi media sosial. Dalam konteks ini, peranan proaktif dan progresif JAKIM sangat mustahak lantaran JAKIM merupakan institusi Islamik yang mempunyai kewibawaan dan kepakaran untuk mengendalikan hal ehwal makanan yang mematuhi hukum syarak. Terlebih penting lagi, generasi milenial sewajarnya bersedia untuk melakukan perubahan cara fikir dan gaya hidup agar seluruh dimensi kehidupan mereka sejajar dengan ajaran Islam – berkata benarlah biarpun pahit.

Rujukan

Abdul Razif Zaini, and Rosfazila Abd. Rahman. (2020). Kecaknaan pengguna Muslim terhadap logo halal. *Islamiyyat*. 42 (43-49).

Abu Bakar Abdul Hamid, Mohamed Syazwan Abdul Talib & Nazliwati Mohamad. (2014). Halal logistic: A marketing mix perspective. *Intellectual Discourse*. 22 (2), 191-214.

Ahmad Fadzil Ahmad Syahmi, Muhamad Izzuddin & Muhamad Izzuddin Zainudin. (2018). Halal Brand Personality and Brand Loyalty among Millennials Modest Fashion Consumers in Malaysia: A Conceptual Paper. *International Journal of Asian Social Science*. 8. 985-994.

Akmal Mohd Zain. (2004). *Halal dan Haram Dalam Kehidupan*. Selangor: Al-Hidayah Publishers.

Al-Jurjani, Abi al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥusayni. (2000). *Al-Ta’rifat*. Beirut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.

Global Islamic Economic Report. (2018). “An Inclusive Ethical Economy State of the Global Islamic Economy Report 2018/19”. Diambil daripada https://ded.ae/DED_Files/StudiesAndResearch/SGIE-Report-2018.

Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut and London: Librairie Du Liban and MacDonald & Evans Ltd.

Harlida Abdul Wahab dan Alias Azhar (2014). *Halalan Tayyiban* dalam kerangka perundangan Malaysia (*Halalan Tayyiban In The Malaysian Legal Framework*).

Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’īd. (1983). *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah.

Lin See-Yan (2018). Millennial Moment: Coming Of Age Of The World’s Big Spenders. Diambil daripada <https://www.thestar.com.my/business/business-news/2018/08/25/millennial-moment-coming-of-age-of-the-worlds-big-spenders>.

Lokhman Hakim Osman & Riadhus Solehah Aziz. (2019). Millennial Generations’ Awareness of Halal Supply Chain and Related Food Product in Malaysia. *Management Analysis Journal*. 8 (2), 166-176.

Millennial Generation Research Review. (2012). U.S: Chamber of Commerce Foundation.

Mohammad Mazhar Hussaini. (1993). *Islamic Dietary Concept and Practices*. Illinois Bedford Park: The Islamic Food and Nutrition Council of America.

Mohd Noorizuddin Nooh. (2007). *Penjenamaan Halal Satu Paradigma Baru*, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Monika @ Munirah Abdul Razak. (2003). *Gaya Hidup Sihat. Satu Kajian Mengenai Pemakan Menurut Al-Quran dan Sains*. [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya]. UM Student Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/1688/>

Muhammad at-Thahali ar-Rowiy. (2001). *Rezeki Halal dan Haram Pengertian dan Tuntutan*. Kuala Lumpur. Crescent News.

Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saadman Man & Zainal Abidin Yahya. (2014). *Halalkah Makanan Kita*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.

Sazelin Arif. (2012). Konsep Halalan-Toyyiban dari Perspektif Maqasid al-Shariah dan Aplikasinya dalam Prosedur Penentuan Makanan Halal di Malaysia. Tesis PhD. Jabatan Fiqh & Usul, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Mahpuz, Hanisah Abdul Rahman & Asma Nurul 'Aqiah Mahpuz. (2019). Pola pemakanan dan kesannya terhadap gaya hidup dan pemikiran individu: Analisis terhadap Surah Al-Kahfi. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*. 26 (53-61).

Yusuf al-Qardawiy. (2002). *Al-Halal wa al-Haram fi Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.